KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# "KERATAN AKHBAR KESUMA"

## SABTU
## 14 SEPTEMBER 2024

| | |
|---|---|
| **Akhbar** | **Utusan Malaysia** |
| **Tarikh** | **14 September 2024** |
| **Ruang** | **Dalam Negeri** |
| **Muka Surat** | **5** |

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia


# 5,556 peluang kerjaya menanti belia di MAHA 2024


**Oleh ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulia.com.my




SALAH seorang pengunjung ditemu duga bagi peluang pekerjaan dalam Program Agro Job Fair sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 yang berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang. - UTUSAN/ MUHAMMAD IQBAL ROSLI

**SERDANG:** Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 melalui Agro Job Fair menawarkan sebanyak 5,556 peluang kerjaya di 38 syarikat kepada pengunjungnya terutama golongan belia yang sedang mencari pekerjaan.

Program Agro Job Fair dijayakan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Pengarah Bahagian Pembangunan Kapasiti & Latihan Pertanian (BPKLP), Hizatul Haliza Hashim berkata, matlamat Agro Job Fair diadakan adalah untuk menyediakan peluang pekerjaan yang berkaitan agromakanan kepada golongan belia.

Malah, menurutnya, ia turut bagi membuka peluang padanan kerja antara majikan dan pencari kerja, selain mempromosikan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) kepada orang awam khususnya belia.

"Jawatan yang ditawarkan adalah pelbagai dengan tangga gaji minimumnya sebanyak RM1,500. Jadi kita harap 5,556 peluang pekerjaan itu diisi sepenuhnya hingga hari terakhir MAHA 2024 iaitu pada 22 September ini.

"Inilah ruang yang diberikan, siapa sahaja yang datang ke Agro Job Fair, mereka boleh terus temuduga pekerjaan dan hanya bawa resume. Sekiranya berjaya, mereka akan terus mendapat pekerjaan tersebut," katanya kepada Utusan Malaysia di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), di sini.

Mengulas lanjut, Hizatul Haliza berkata, sepanjang dua hari MAHA 2024 berlangsung, sudah ada pencari kerja yang berjaya mendapatkan pekerjaan.



**HIZATUL HALIZA HASHIM**

"Dalam dua hari ini, kita sudah temuduga sebanyak 23 orang dan yang berjaya adalah tiga orang sementara 12 individu lain berjaya ke peringkat temuduga kedua," katanya.

Tambahnya, kejayaan Agro Job Fair boleh dilihat melalui penganjuran julung kalinya pada MAHA 2022 yang menyaksikan ramai belia dan pencari kerja memperoleh peluang pekerjaan.

Dalam pada itu, beliau berkata, Agro Job Fair turut menyediakan reruai pameran pendidikan sijil dan diploma yang ditawarkan oleh KPKM.

"Kita ada 15 pusat bertauliah dan 10 bidang merangkumi pertanian, perikanan, penternakan dan ada juga penyenggaraan jentera pertanian, pemasaran, pemprosesan makanan serta kita ada pengkhususan yang memang menjalankan pengajian tentang pengeluaran padi sahaja.



**NUR FAZILLA MOHD. JUPRI**

"Jadi kita menjemput belia-belia daripada 18 hingga 25 tahun untuk menyertai sijil-sijil ini, kita tawarkan makanan dan penginapan percuma. Malah, pelatih turut diberi elaun sebanyak RM200 sebulan sepanjang tempoh pengajiannya iaitu setahun enam bulan.

"Kita juga tidak menekankan teori, ia hanya 30 peratus sahaja daripada modul pengajian dan selebihnya kita menekankan latihan amali," jelasnya.

**PENGUNJUNG**

Pengunjung, Nur Fazilla Mohd. Jupri, 31, berkata, beliau menghadiri MAHA 2024 daripada rumahnya di Senawang, Negeri Sembilan bagi merebut peluang pekerjaan yang ditawarkan di Agro Job Fair.

"Saya tengok promosi MAHA 2024, di mana saya lihat ada Agro Job Fair jadi saya pilih untuk datang dan hadir temuduga memandangkan saya memang sedang mencari pekerjaan," katanya.

Seorang lagi pengunjung, Muhammad Faiz Abdul Aziz, 32, berkata, program Agro Job Fair di MAHA 2024 merupakan inisiatif yang baik, di mana pengunjung turut boleh mencari peluang pekerajaan selain melawat reruai-reruai disediakan.

"Saya datang ke MAHA 2024 adalah untuk tengok pameran-pameran di sini dan saya rasa Agro Job Fair merupakan program yang baik bagi pengunjung terutama untuk belia dan pencari pekerja lain," katanya.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| | |
|---|---|
| **Akhbar** | **Sinar Harian** |
| **Tarikh** | **14 September 2024** |
| **Ruang** | **Nasional** |
| **Muka Surat** | **18** |

# Kerjasama pihak berkuasa, agensi perlu dipertingkat elak kes tipu tuntutan PERKESO berulang

**SHAH ALAM -** Kerjasama melibatkan pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan dan orang ramai perlu dipertingkatkan bagi memastikan aktiviti kartel pemalsuan tuntutan hilang upaya membabitkan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dapat dibendung secara keseluruhan.

Presiden Pertubuhan Pemuda Gema Malaysia (Gema), Mohammad Amar Masuri berkata, isu tersebut mencemarkan imej pegawai perubatan dan menjejaskan persepsi orang ramai terhadap integriti institusi kesihatan negara.



MOHAMAD AMAR

"Ia akan memberikan kesan buruk kepada institusi kesihatan dan pihak hospital, sekali gus menimbulkan persepsi tidak baik oleh rakyat terutama dalam kalangan mereka yang benar-benar kurang upaya.

"Harapan Gema yang membawa suara anak muda, segala kegiatan rasuah, kartel dan korupsi perlu dibendung dengan kerjasama kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) syarikat serta orang awam agar masa depan negara dapat dijaga dan lebih sejahtera," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Pada 3 September, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 32 individu termasuk tiga pegawai perubatan di Pulau Pinang bagi membantu siasatan berhubung kartel yang dikatakan telah memalsukan tuntutan hilang upaya PERKESO di negeri itu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki yang mengesahkan penahanan tersebut berkata, mereka yang ditahan terdiri daripada dua pegawai perubatan kanan hospital kerajaan dan seorang doktor pakar hospital swasta.



**Dua pegawai perubatan hospital kerajaan dan seorang doktor pakar hospital swasta ditahan kes tipu tuntutan PERKESO.**

| | |
|---|---|
| Akhbar | New Straits Times |
| Tarikh | 14 September 2024 |
| Ruang | Business Times |
| Muka Surat | 4 & 5 |

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

NEW STRAITS TIMES ESTABLISHED 1845

RISING COST OF LIVING

# RM2,000 MINIMUM WAGE PROPOSAL

This is feasible due to strengthening economy and is in line wit increment for civil servants, say analysts

DIYANA ISAMUDIN
KUALA LUMPUR
bt@nst.com.my

SOME economists have strongly suggested that the minimum wage be increased by at least 33 per cent to RM2,000 a month from RM1,500 currently amid the rising cost of living.

The suggested figure is also higher than the RM1,700 expected to be recommended by the Human Resources Ministry in the upcoming 2025 Budget.

Last month, Human Resources Minister Steven Sim said the proposal for a new minimum wage was expected to be presented to Cabinet this month.

According to Chinese news portal Nanyang Siang Pau, the ministry planned to propose raising the minimum wage by 13.3 per cent to RM1,700, based on the National Wages Consultative Council Act 2011.

Economist Dr Geoffrey Williams said based on Statistics Department data, some 10 per cent of Malaysians in formal jobs were earning RM1,500 or less monthly.

"There are also some two million foreign workers who are in low-paid jobs. Industries that employ large numbers of foreign workers will also be impacted."

Williams said the government needed to aim for a monthly minimum wage of RM2,500 to RM3,000.

"Of course, employers will oppose this. A simple solution is to remove all the restrictions on the progressive wage model (PWM) and Sumbangan Tunai Rahmah and pay employees the RM200 to RM300 PWM amount directly.

UniKL Business School economic analyst Assoc Prof Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid said the minimum salary should be raised to RM2,000, in line with the upcoming salary restructuring for civil servants.

"In fact, it should be revised at least once every five years, depending on the industry needs and government drive to make Malaysia a higher income nation by 2030," he added.

IDEAS Malaysia t and assistant research ma: Liew said the minimum would affect sectors with lowages the most.

Furthermore, she esses in rural areas, particedah, Sabah, Perlis, and Kelmong the states with the :dian wages — would also antly affected.

Liew said for ex:ingle individual in Kuala :eded at least RM2,700 to litably. Even after the wage as, she said the minimum w1,700 would fall short of thi.

She said the minimhould be adjusted to reflect thening economy.

"Instead of settirional minimum wage, thment could consider imp; sectoral, occupational aried minimum wages to aional cost of living differei mitigating the impact on with low profit margins, suo and small enterprises.

"Countries like the United States and Brazil have national wages with potential for higher regional wages, while India and South Africa have different minimum wages based on occupation," Liew added.

Malaysian Employers Federation president Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman said the government might consider exempting micro, small and medium enterprises (MSMEs) in the minimum wages application, as being done in the US, Japan and South Korea.

He said MSMEs were mostly experiencing cash flow problems and shrinking operating margins.

He also suggested that the government could also assist MSMEs by providing cash incentives, such as being done under the PWM.

"It should be noted that the cost to employers is not just the minimum wage; it also includes contributions to the Employees Provident Fund, Social Security Organisation and Employment Insurance System, among others," he added.



# Sky-high jobs up for grabs at fair

**SHAH ALAM:** The ongoing Career in Aviation Fair has brought forth 3,459 vacancies offered by 40 employers in the aerospace and aviation industries.

The event is being held in conjunction with the Selangor Aviation Show (SAS 2024) at the Skypark Regional Aviation Centre here.

Selangor human resources and poverty eradication committee chairman V. Papparaidu said the development of human capital in the state has always been one of the top priorities to ensure no one is left behind.

He said this has benefited from the state's economic growth.

"Until Aug 31, a total of 1,119,430 jobseekers have been placed to work under the MYFutureJobs initiative from the Human Resources Ministry through Socso (the Social Security Organisation), with 268,009 placements from Selangor.

"This testifies to the government's initiative in activating the labour market activities through interventions, which offer job opportunities to the talent and employers in Selangor especially," he said in his speech at the SAS 2024 Career Fair opening ceremony yesterday, Bernama reported.

Papparaidu also said the substantial growth highlights the increasing opportunities for the state's talent pool, signalling a positive momentum in the local job market.

Meanwhile, Human Resources Ministry secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof lauded the Selangor government's initiative in coordinating and facilitating aerospace investments and industry.

He said this supports the goal set by the Malaysia Aerospace Industry Blueprint 2030 to provide 32,000 high-quality, high-skill jobs in the aerospace industry.

Azman said the Statistics Department recently announced that the national unemployment rate continued to decline in the second quarter of 2024, in line with increased demand for labour in the economic sector.




**Aviation aspirations:** Visitors enquiring at booths during the Career in Aviation Fair at the Skypark Regional Aviation Centre. — Bernama

"The labour force has grown by 2.5% to 17.15 million people, primarily driven by a 2.8% increase in the number of employed people, which reached 16.59 million in June.

"I believe this positive trend is driven by proactive policies and implemented by advanced states like Selangor, offering high-value jobs to those in the aerospace and aviation industry," he added.

Azman also expressed hope that industry players can continue providing upskilling and reskilling opportunities to their employees and young graduates so that they can be more productive in filling up the demand in the job market.

Earlier, eight business documents involving memorandums of understanding (MOUs) and letters of intent (LOIs) between state agencies, higher learning education institutions, and aviation and aerospace companies were signed at the event.

One notable MOU was between Invest Selangor Bhd and Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera.

Both parties will collaborate to address talent issues in the aerospace industry and create a sustainable ecosystem for industry players operating in Selangor.

A notable LOI is the one between Aerospace Malaysia Innovation Centre, Universiti Malaya and UCSI College, which will engage in local bio-jet sustainable aviation fuel development for a bio-feedstock supply chain.